

PERATURAN PERMAINAN PETANQUE

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Undang - Undang Permainan

1.1.1 Merujuk kepada edisi terkini Undang-Undang Rasmi Sukan Petanque (*Official Rules of The Sport of Petanque*) di bawah *Federation Internationale De Petanque Et Jeu Provençal (FIPJP)* yang berkuatkuasa 1 Januari 2017 (Edisi terkini). Pentafsiran undang-undang asal berbahasa Inggeris adalah diberikan keutamaan.

1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan AM **HIGHER EDUCATION SPORTS FEST (HESF) 2019**

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Acara/ Kategori yang dipertandingkan

2.1.1 Kategori Individu

- 2.1.1.1 Single Lelaki
- 2.1.1.2 Single Wanita
- 2.1.1.3 Double Lelaki
- 2.1.1.4 Double Wanita
- 2.1.1.5 Triple Campuran

2.2 Pendaftaran dan pembentukan Pasukan

2.2.1 Kadar yuran penyertaan adalah seperti berikut:-

| Bil | Kategori Acara | Bil. Atlet Lelaki | Bil. Atlet Wanita | Jumlah Atlet | Kadar Yuran (RM) |
|-----|-----------------|-------------------|-------------------|--------------|------------------|
| 1 | Single Lelaki | 1 | | 1 | 30.00 |
| 2 | Single Wanita | | 1 | 1 | 30.00 |
| 3 | Double Lelaki | 2 | | 2 | 60.00 |
| 4 | Double Wanita | | 2 | 2 | 60.00 |
| 5 | Triple Campuran | 2 | 1 | 3 | 90.00 |

Rajah 1 : Bilangan peserta berdasarkan kategori acara pertandingan.

2.2.2 Seorang peserta disarankan menyertai satu acara pertandingan.

- 2.2.3 Walaubagaimanapun, seorang pemain adalah dibenarkan menyertai maksimum dua (2) acara, dengan memenuhi syarat berikut iaitu; pemain tersebut hanya dibenarkan menyertai salah satu (1) acara daripada kategori acara single atau double; dan satu acara lagi daripada kategori acara triple campuran.
- 2.2.4 Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftar tiga (3) penyertaan sahaja bagi setiap kategori yang dipertandingkan.
- 2.2.5 Tiada pemain simpanan bagi setiap kategori acara yang dipertandingkan.
- 2.2.6 Pendaftaran penyertaan adalah menggunakan sistem pendaftaran dalam talian yang disediakan oleh pihak penganjur sebelum tarikh tutup penyertaan.
- 2.2.7 Kad Akreditasi yang disediakan oleh penganjur adalah perlu sentiasa dibawa sepanjang pertandingan. Kad Akreditasi perlu ditunjukkan dan dipamerkan apabila diminta oleh pegawai bertugas.

2.3 Sistem Pertandingan

- 2.3.1 Pertandingan dijalankan melalui dua (2) peringkat iaitu;
 - 2.3.1.1 Peringkat Pusingan Satu; iaitu pertandingan secara berkumpulan menggunakan kaedah Double Knockout (DKO).
 - 2.3.1.2 Peringkat Pusingan Dua; iaitu pertandingan menggunakan kaedah Knockout (KO) melibatkan pasukan-pasukan yang melepasi kelayakan pada pusingan satu.
- 2.3.2 Pihak penganjur atau jawatankuasa teknikal pertandingan adalah berhak untuk mengubah kaedah pertandingan atau menggunakan kaedah pertandingan yang lain.
- 2.3.3 Bagi pertandingan Pusingan Satu, agihan pasukan kedalam kumpulan adalah melalui kaedah undian. Pasukan dari latar belakang institusi atau kumpulan institusi yang sama adalah dielakkan untuk bertemu dalam kumpulan yang sama.
- 2.3.4 Hanya dua pasukan terbaik daripada setiap kumpulan akan layak ke peringkat Pusingan Dua.
- 2.3.5 Undian kedudukan Pusingan Dua hanya melibatkan pasukan johan bagi setiap kumpulan sahaja. Kedudukan pasukan naib johan akan ditentukan secara silang dan tidak akan bertemu pasukan johan daripada kumpulan yang sama, kecuali di perlawanan akhir. Walaubagaimanapun, pihak teknikal pertandingan berhak menetapkan kaedah lain bagi menentukan susunan pasukan di peringkat Pusingan Dua.
- 2.3.6 Peserta atau pasukan yang memenangi pertandingan di peringkat Pusingan Dua adalah merupakan pemenang utama bagi kategori acara yang dipertandingkan.

- 2.3.7 Kaedah pertandingan adalah merujuk kepada kaedah pertandingan bermasa atau kaedah mata penamat iaitu 13 mata, atau yang mana terdahulu.
 - 2.3.8 Keputusan perlawanan bagi setiap gelanggang perlu dicatatkan pada borang markah oleh peserta dengan lengkap dan tepat. Borang markah yang telah lengkap perlu disemak dan ditandatangani oleh kedua-kedua peserta atau pasukan, dan seterusnya disahkan oleh pengadil atau arbiter pertandingan yang bertugas.
 - 2.3.9 Tiada bantahan boleh dilakukan sekiranya peserta tidak mengesahkan borang markah perlawanan.2.3.1 Kategori Berpasukan akan dijalankan secara liga di peringkat kumpulan dan kalah mati (*knock out*) untuk pusingan kedua dan seterusnya.
- 2.4 Taklimat pengurus pasukan
- 2.4.1 Taklimat pengurus pasukan diadakan sehari sebelum pertandingan berlangsung. Semua pengurus pasukan adalah dijemput hadir.
 - 2.4.2 Sebarang maklumat mutakhir berkaitan pertandingan akan dimaklumkan pada taklimat pengurus pasukan berkenaan.
 - 2.4.3 Sebarang keputusan jawatankuasa teknikal pertandingan adalah muktamad.
- 2.5 Pakaian Pertandingan
- 2.5.1 Setiap peserta atau pasukan yang bertanding perlu menggunakan pakaian pasukan atau kontinjen institusi masing-masing.
 - 2.5.2 Nama singkatan pasukan atau nama kontinjen institusi disarankan dicetak pada bahagian sebelah 'atas belakang' pakaian.
 - 2.5.3 Pemain mesti berpakaian sukan lengkap iaitu baju berlengan, berseluar panjang, berkasut dan berstokin.
 - 2.5.4 Pakaian mestilah seragam bagi peserta atau pasukan yang bertanding bagi acara yang melibatkan lebih daripada seorang pemain. Keseragaman ini juga disarankan ke atas pemakaian topi atau tudung yang digunakan, sekiranya berkaitan.
 - 2.5.5 Bahan pakaian dari jenis kain denim, seluar dengan potongan jeans, atau pakaian ketat adalah tidak dibenarkan. Seluar potongan 'half cut' atau '3 suku' juga tidak dibenarkan.
 - 2.5.6 Pihak penganjur melalui jawatankuasa teknikal pertandingan berhak menghalang peserta atau pasukan yang tidak mematuhi peraturan pakaian daripada meneruskan perlawanan.

2.6 Alatan Pertandingan

- 2.6.1 Pemain perlu menyediakan boule masing-masing. Boule mestilah mematuhi kriteria yang ditetapkan oleh FIPJP.
- 2.6.2 Pemain dan pasukan yang bertanding dikehendaki menunjukkan boule yang bakal digunakan kepada pihak lawan sebelum sesuatu perlawanan dimulakan. Sebarang bantahan berkaitan boule perlu diusulkan kepada arbiter sebelum perlawanan dimulakan.
- 2.6.3 Gelung dan jack adalah disediakan oleh pihak penganjur pertandingan, dan ianya perlu dikembalikan selepas tamat sesuatu perlawanan.
- 2.6.4 Peserta atau pasukan perlu menyediakan alat pengukur masing-masing. Peserta dikehendaki melakukan ukuran dengan menggunakan alat pengukur yang bersesuaian. Peserta tidak dibenarkan melakukan anggaran jarak menggunakan pandangan atau anggota tubuh.

2.7 Penangguhan Perlawanan dan Penarikan Diri

- 2.7.1 Sekiranya terdapat gangguan perlawanan atau cuaca buruk yang menyebabkan sesuatu perlawanan tidak dapat diteruskan, maka pihak penganjur berhak untuk menangguhkan perlawanan dan meminda jadual perlawanan atau tempoh perlawanan mengikut kesesuaian.
- 2.7.2 Pasukan yang enggan bermain pada waktu perlawanan yang telah ditetapkan dianggap menarik diri.

2.8 Hadiah Kemenangan

2.8.1 Hadiah wang tunai adalah seperti berikut:-

| ACARA | JOHAN | N. JOHAN | KETIGA |
|-------------------------|--------------|-----------------|---------------|
| SINGLE (L&W) | RM300.00 | RM200.00 | RM100.00 |
| DOUBLE (L&W) | RM600.00 | RM400.00 | RM200.00 |
| TRIPLE (C) | RM900.00 | RM600.00 | RM300.00 |

2.8.2 Setiap pemenang tempat pertama sehingga ke tiga akan menerima wang tunai, medal dan sijil.

2.8.3 Agihan medal adalah seperti rajah di bawah:-

| BIL | ACARA SUKAN | EMAS | PERAK | GANGSA | JUMLAH |
|-----|-----------------|----------|----------|----------|-----------|
| 1 | Single Lelaki | 1 | 1 | 1 | 3 |
| 2 | Single Wanita | 1 | 1 | 1 | 3 |
| 3 | Double Lelaki | 2 | 2 | 2 | 6 |
| 4 | Double Wanita | 2 | 2 | 2 | 6 |
| 5 | Triple Campuran | 3 | 3 | 3 | 9 |
| | JUMLAH | 9 | 9 | 9 | 27 |